

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: 14 Jun 2021 17:32
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UUM Inginkan Yang Terbaik Untuk Kesejahteraan Warga Kampus



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia


14 JUN 2021 / 4 ZULKAEDAH 1442H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Raja Muhammad Faiz Raja Iskandar (Pelajar Pelatih dari SMMTC)

Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

UUM INGINKAN YANG TERBAIK UNTUK KESEJAHTERAAN WARGA KAMPUS



UUM ONLINE: Dalam keadaan seluruh dunia sedang bergelut dengan isu pandemik Covid-19, Universiti Utara Malaysia (UUM) sentiasa bersedia untuk memberikan yang terbaik untuk semua warga kampus agar wabak Covid-19 segera berakhir.

Sehubungan itu, bagi mendoakan kesejahteraan dan keselamatan warga kampus, Pusat Islam telah menganjurkan Majlis Bacaan Yasin Untuk Kesejahteraan UUM melalui platform Webex selepas solat Maghrib, Khamis lalu yang turut disertai Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani.

Majlis bacaan Yasin yang diketuai oleh Pegawai Hal Ehwal Islam, Ustaz Shahidan Sharkhan Marecan itu turut berdoa memohon kesejahteraan dan keselamatan untuk seluruh warga kampus agar terhindar dan dijauhkan dari wabak pandemik Covid-19.

Di samping menghadihkan pahala bacaan Yasin kepada staf dan ahli keluarga yang telah kembali ke rahmatullah semoga roh mereka ditempatkan dalam kalangan orang beriman dan mendapat keampunan-Nya.

Majlis tersebut diakhiri dengan perkongsian ringkas oleh Ustaz Sharif Abdus Salam berkenaan kelebihan orang membaca surah Yasin pada malam hari untuk mencari keredhaan Allah nescaya dia akan mendapat keampunan daripada Allah.

Menurutnya lagi, barangsiapa yang membaca surah Yasin pada pagi hari, maka Allah akan permudahkan urusannya dan ditunaikan segala hajatnya itu.

Semoga dengan amal kebaikan yang kita lakukan ini dapat dijadikan asbab supaya UUM terus aman sejahtera.





Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.